

Perbanyak program raikan pelancong

Oleh Abang Ismail Abang Su'ud

BINTULU: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan menjalin kerjasama dengan meminta kerajaan negeri memperbanyak program pelancongan bersama Kerajaan Persekutuan untuk meraikan pelancong yang datang ke negeri masing-masing sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).

Menterinya Datuk Seri Tiong King Sing berkata, beberapa siri aktiviti perlu diadakan dengan pihaknya sedang giat mencari lebih banyak penerbangan antarabangsa, termasuk meneroka penerbangan sewa antara Shanghai dan Bintulu dalam usaha meningkatkan industri pelancongan Sarawak.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan juga telah merangka pelan promosi kebangsaan dengan meminta kesemua 13 negeri untuk merancang aktiviti pelancongan yang lebih menarik secara serentak bagi menarik kehadiran pelancong.

"Satu daripada acara utamanya baru-baru ini ialah Hari Pelancongan Pekerja merangkap Festival Muzik Air yang mendapat sambutan menggalakkan.

"Dengan melibatkan kesemua 13 negeri dan wilayah, kita juga akan mengadakan sambutan kira detik pada 30 April akan datang sempena menyambut Hari Pekerja," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui pada sambutan Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Parti Demokratik Progresif (PDP) 2026 di Dewan Suarah Bintulu, semalam.

Tiong yang juga Presiden PDP merangkap Ahli Parlimen



TRADISI DIPELIHARA: Tiong bersama isteri (tengah) serta menteri, timbalan menteri dan tetamu lain menggaul 'yee sang' pada sambutan Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina PDP 2026 di Dewan Suarah Bintulu, semalam.

● Kerajaan negeri diminta bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan jayakan TMM2026: Tiong

Bintulu dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dudong berkata, persembahan deejay (DJ), nyanyian dan tarian kebudayaan serta program pelbagai budaya akan diatur untuk mewujudkan suasana meriah yang mempamerkan ciri-ciri budaya Malaysia untuk program itu.

Berkenaan sambungan udara, Tiong berkata laluan penerbangan sewa dari China ke Kuching telah berjaya

dilancarkan.

"Perbincangan masa depan akan diteruskan dengan syarikat penerbangan berkaitan untuk meningkatkan penerbangan antarabangsa ke Sarawak, termasuk meneroka kemungkinan membuka laluan penerbangan terus dari Shanghai ke Bintulu," tambahnya.

Katanya, ramai pekerja di kawasan Taman Perindustrian Samalaju (SIP)

kini terbang terus dari Shanghai, sekaligus menunjukkan asas pelanggan yang stabil dan permintaan sebenar antara China dan Sarawak.

"Syarikat penerbangan itu memberi perhatian terhadap penilaian pasaran dan kajian kebolehlaksanaan termasuk bilangan penumpang dan permintaan pasaran," jelasnya.

◆ **Lihat Muka 2**